



Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@
bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perbezaan jantina masih ketara

Pelajar wanita yang mencatat keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi terus muncul sebagai majoriti yang terpilih ke universiti awam.

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, tiga universiti penyelidikan, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kemasukan lebih ramai pelajar wanita.

USM menyatakan kira-kira 68 peratus daripada

keseluruhan pelajar-jarynya adalah perempuan.

Daripada 4,105 pelajar baharu program sarjana muda UPM, 2,874 ialah pelajar perempuan dan 1,231 lelaki.

Seramai 3,325 layak mengikuti pengajian di UKM bagi sesi kali ini dengan 2,447 pelajar perempuan berbanding 878 lelaki.

Di UniMAP, seramai 1,454 siswi mendaftarkan berbanding 1,122 siswa manakala UNIMAS menyaksikan seramai 3,969 pelajar baharu mendaftar,

iaitu 1,244 pelajar lelaki dan 2,725 pelajar wanita.

Seramai 3,367 pelajar perempuan mengisi tempat di UMS berbanding 1,705 lelaki.

Ganti sistem kuota

Jurang antara pelajar lelaki dan wanita ketara selepas meritokrasi diperkenal kerana sistem itu mengambil kira 90 peratus prestasi akademik dan 10 peratus kegiatan kokurikulum tanpa mengenal jantina.

Pengenalan meritokrasi

yang menggantikan sistem kuota membolehkan hanya pelajar terbaik diterima masuk ke program sarjana muda.

Sekadar contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima 90 peratus daripada 4,000 calon yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) sekurang-kurangnya 3.00.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim, berkata UUM menunjukkan peningkatan daripada pemohon berkualiti pada sesi tahun ini.

"Permohonan berkualiti yang diterima daripada calon mahasiswa dengan PNGK 3.00 menunjukkan peningkatan daripada 78 peratus kepada 90 peratus berbanding kemasukan sebelumnya," katanya.

PNGK 3.0 ke atas

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima 69 peratus pelajar yang


berdaftar dengan kelayakan PNGK 3.0 ke atas daripada 1,656 pelajar baharu mengikuti pengajian di universiti itu.

Sementara itu, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima 23,483 permohonan tahun ini mengatasi unjuran pelajar iaitu 2,553 tempat saja.

Universiti itu sudah menerima kemasukan pelajar tertinggi sejak ditubuhkan iaitu seramai 2,444 pelajar bagi mengikuti 26 program pengajian pada peringkat sarjana muda di lapan fakulti.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata situasi itu memberi petunjuk jelas bahawa USIM semakin dikenali.

"Promosi dan penjenamaan USIM yang menawarkan sistem pengajian yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam silibus akademik kepada masyarakat berjaya memberi impak yang besar," katanya.



Sebahagian daripada pelajar membaca ikrar bersempena dengan majlis siswa dan ikrar pelajar baru Program Jarak Jauh, di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia.

[FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]